

# Kilang haram: Aktiviti dilindungi pihak berkuasa?

Oleh **AZMAN IBRAHIM**  
 pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 17 OGOS**

**P**AKAR-PAKAR alam sekitar menggariskan empat faktor kemungkinan kilang haram terus beroperasi di Pulau Pinang termasuk kewujudan pihak berkuasa yang melindungi aktiviti berkenaan.

Timbalan Dekan Fakulti Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Madya Dr. Ahmad Makmom Abdullah berkata, sesebuah kilang itu diibaratkan kebal dan tidak boleh disentuh setelah aktiviti yang dijalankan dilindungi oleh pihak berkuasa termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kerajaan negeri.

Katanya, beliau tidak menolak faktor itu berlaku berpunca daripada sikap tamak pengusaha atau pengendali kilang haram tersebut.

"Kita ada pihak berkuasa membuat peraturan dan undang-undang yang boleh mengawal pencemaran. Jadi, kilang haram melepaskan bahan pencemaran ini perlu dikawal. Jika tidak dikawal, ia memberi impak atau risiko kepada kesihatan penduduk dan produktiviti pekerja," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.



**AHMAD MAKMOM ABDULLAH**

Beliau diminta mengulas mengenai punca dan risiko kilang-kilang haram yang terus beroperasi di Pulau Pinang termasuk kilang pembakaran habuk kayu di Sungai Lembu, Penanti.

Baru-baru ini, Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng berkata, kerajaan negeri tetap bertegas dengan dasar untuk tidak merobohkan kilang haram pembakaran habuk kayu di Kampung Sungai Lembu dan masih menunggu kata putus Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Ahmad Makmom berkata, tiga lagi kemungkinan punca kilang haram terus beroperasi di Pulau Pinang adalah menjalankan operasi secara tersembunyi, lokasi jauh daripada pengetahuan umum



**RAMDZANI ABDULLAH**

serta melakukan operasi secara penyamaran iaitu menjalankan dua atau lebih perniagaan tanpa kebenaran.

"Pemilik atau pengendali kilang haram hanya melihat dari sudut kewangan mereka sahaja. Mereka mengetepikan risiko yang ditimbulkan aktiviti yang dijalankan," katanya.

Sementara itu, seorang lagi Pensyarah Fakulti Alam Sekitar UPM, Prof. Madya Dr. Ramdzani Abdullah berkata, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), PBT dan kerajaan negeri Pulau Pinang perlu memainkan peranan untuk membuat pemeriksaan kilang haram berkenaan.

Katanya, kilang haram terse-

**Kita ada pihak berkuasa membuat peraturan dan undang-undang yang boleh mengawal pencemaran. Jadi, kilang haram melepaskan bahan pencemaran ini perlu dikawal. Jika tidak dikawal, ia memberi impak atau risiko kepada kesihatan penduduk dan produktiviti pekerja."**

**AHMAD MAKMOM ABDULLAH**  
 Timbalan Dekan Fakulti Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia

but sudah semestinya beroperasi tanpa lesen dan tanpa kebenaran pihak berkuasa.

"Setiap kilang memiliki zon penampungan tersendiri yang mengklasifikasikan status perindustrian yang dijalankan sama ada industri berat, sederhana dan ringan.

"Dalam hal ini, saya tidak pasti kilang haram juga mempunyai klasifikasi tersebut kerana mereka menjalankan perniagaan secara tidak sah," katanya.

## Tindakan kerajaan DAP salahkan BN melucukan

**KUALA LUMPUR 17 Ogos** - Ketua Menteri, Lim Guan Eng diminta berhenti menyalahkan kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam isu kilang haram yang berleluasa di Pulau Pinang kerana sudah hampir 10 tahun negeri itu berada di bawah pentadbiran DAP.

Ketua Pemuda MIC, Datuk C. Sivarraajh berkata, amat melucukan apabila Guan Eng masih menyalahkan kerajaan BN sedangkan DAP sudah mentadbir Pulau Pinang sejak 2008 dan sehingga

kini mereka masih gagal menangani masalah tersebut.

Menurut beliau, masalah kilang haram tersebut dapat dibanteras segera sekiranya kerajaan negeri bersungguh-sungguh berusaha dalam tempoh pemerintahan tersebut.

"Semua orang akan ketawa kepada Guan Eng apabila beliau meletakkan kesalahan kepada kerajaan BN. Sejak 2008, DAP memerintah negeri itu dan gagal menangani masalah kilang haram,"

katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sivarraajh turut mempersoalkan peranan kerajaan negeri Pulau Pinang yang dianggap tidur atau sengaja menutup mata apabila terdapat ahli majlis yang menerima manfaat daripada operasi kilang haram berkenaan.

"Prinsip kerajaan negeri cekap, amanah dan telus menjadi semakin lemah apabila kerajaan negeri itu turut mempersoalkan tugas SPRM (Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia) yang berusaha melawan rasuah," katanya.

Sivarraajh berkata, tindak-tanduk Ketua Menteri Pulau Pinang dengan menyalahkan pihak lain hanyalah untuk menutup kelemahan pentadbiran DAP di negeri itu.

"Marilah bersatu bagi menghapuskan helah kotor dan permainan politik murah serta kotor DAP bagi mengelirukan masyarakat umum," katanya.

### REAKSI

### ISU KILANG HARAM



"KERAJAAN DAP Pulau Pinang sepatutnya mencontohi Barisan Nasional (BN) dan UMNO yang sentiasa berusaha memajukan

negeri ini walaupun tidak mendapat mandat memimpin, bukannya sering menyalahkan pihak lain terutamanya berhubung isu kilang haram di Penanti."

**THAM CHIN KEAN**  
 Bukit Mertajam



"MASALAH yang disembunyikan Kerajaan DAP Pulau Pinang sejak bertahun-tahun lamanya" membabit-

kan operasi kilang haram membuktikan sikap cekap, amanah dan telus (CAT) yang dicanang mereka tidak boleh dipakai."

**M. KHARTIK**  
 Nibong Tebal



"SEBAGAI rakyat terutamanya yang tinggal di Penanti, kita mahukan kepimpinan bersih daripada

salah guna kuasa dan sikap pentingkan diri."

**MUNIRAH OOI ABDULLAH**  
 Guar Perahu Indah, Penanti



"ANAK muda mahukan pemimpin ikhlas dan jujur tetapi masalah membabitkan kilang haram di Penanti menunjuk-

kan kepincangan Kerajaan DAP Pulau Pinang dan tidak mustahil ada lagi masalah yang masih belum berjaya didedahkan."

**YATI JAMALUDDIN**  
 Penaga



"SIKAP bermuka-muka kerajaan negeri dalam menangani isu kilang haram di Penanti menyebabkan seluruh rakyat

Pulau Pinang semakin kurang percaya dengan mereka. Kita juga sudah bosan dengan janji yang bermacam-macam tetapi sehingga kini tidak nampak."

**CHE YOM ABDUL RAHIM**  
 Bukit Mertajam



"KES tuduhan rasuah Ketua Menteri, Lim Guan Eng belum selesai, datang pula isu kilang haram. Sampai bila kita

perlu dengar masalah ini?"

**NOR AMANINA RAZALI**  
 Nibong Tebal